



SIARAN AKHBAR

LAWATAN KERJA TUAN YANG TERUTAMA DR. WIWAT SALYAKAMTHORN, TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN KOPERASI, THAILAND KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Hari Isnin, 09 Rabiulakhir 1440H Bersamaan 17 Disember 2018
Daerah Brunei-Muara*

Tuan Yang Terutama Dr. Wiwat Salyakamthorn, Timbalan Menteri Pertanian dan Koperasi, Thailand berserta rombongan dari Kementerian Pertanian dan Koperasi, Thailand berkenaan telah membuat lawatan kerja selama tiga hari ke Negara Brunei Darussalam bermula pada 16 hingga 19 Disember 2018. Lawatan kerja ini adalah atas undangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Tujuan utama lawatan Tuan Yang Terutama Dr. Wiwat Salyakamthorn berserta rombongan ke negara ini adalah untuk meninjau dengan lebih dekat kegiatan-kegiatan pertanian di negara ini serta berkongsi pengetahuan dan pengalaman termasuk dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perusahaan tanaman padi, pengurusan tanah asid sulfat dan pengairan.

Lawatan kerja ini akan melibatkan lawatan-lawatan ke kawasan-kawasan kemajuan pertanian (KKP) termasuk Ladang Penanaman Padi Wasan, Limau Manis, Batang Perhantian, Batong dan ke Ladang Tunas Harapan di KKP Sibongkok. Tuan Yang Terutama dan rombongan juga berpeluang untuk melawat ke Empangan Imang yang mana adalah merupakan sumber pengairan bagi sebahagian ladang-ladang pertanian di Daerah Brunei dan Muara.



Tuan Yang Terutama beserta rombongan seterusnya juga akan berpeluang untuk menyampaikan taklimat berkenaan dengan pengurusan tanah pertanian, pengurusan dan pemulihan tanah asid sulfat bagi kawasan penanaman padi serta tanaman lain dan sistem pengairan secara konvensional di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Agro-Teknologi, Wasan dan akan dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, para pengusaha-pengusaha pertanian serta tenaga pengajar dan penuntut IBTE, Kampus Agro-teknologi.

Tuan Yang Terutama beserta rombongan juga akan mengadakan perbincangan dua hala bersama dengan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan Pertanian & Agrimakanan membincangkan hala tuju projek kerjasama di bawah Memorandum Persefahaman di antara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Pertanian dan Koperasi, Thailand.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:
Unit Perhubungan Awam, Bahagian Pengurusan dan Kewangan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 17 Disember 2018